

E-JahitNnour: Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR

E-JahitNnour: N'NOUR Tailor Shop Order Management System

Megat Haziq Megat Azahari¹, Azizul Azhar Ramli^{1*},

¹ *Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA*

*Corresponding Author: azizulr@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/aitcs.2026.07.01.088>

Maklumat Artikel

Diserah: 12 Jun 2026
Diterima: 18 Jun 2026
Diterbitkan: 30 Jun 2026

Katakunci

Pengurusan Tempahan, Sistem Web, Laravel, Model Prototaip, Penjanaan Laporan, Sistem Dalam Talian, Kedai Jahit

Abstrak

Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR adalah sistem berasaskan web yang membantu proses pengurusan tempahan di Kedai Jahit N'NOUR. Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk menyelesaikan masalah Kedai Jahit N'NOUR dalam menguruskan tempahan dengan lebih teratur. Sistem ini menggunakan pendekatan metodologi prototaip dan direka dengan modul utama termasuk pengurusan tempahan, paparan katalog serta penjanaan laporan. Pembangunan sistem ini menggunakan perisian Visual Studio Code (VS Code) dan kerangka Laravel. Sistem ini dihoskan secara dalam talian menggunakan pelayan maya (VPS) berasaskan Windows bagi membolehkan akses jauh. Sistem ini diaplikasikan secara langsung di Kedai Jahit N'NOUR untuk meningkatkan kecekapan operasi pengurusan tempahan harian. Penggunaan sistem ini bukan sahaja membantu dalam pengurusan kewangan, malah turut meningkatkan pengalaman pelanggan. Matlamat utama sistem ini adalah untuk membantu pemilik kedai membuat keputusan yang lebih bijak, meningkatkan produktiviti perniagaan serta menyampaikan perkhidmatan yang lebih profesional kepada pelanggan.

Keyword

Booking Management, Web System, Laravel, Prototype Model, Report Generation, Online System, Tailor Shop

Abstract

This is a web-based system that enables order management for the N'NOUR Sewing Shop. This system was built to counter the problem that Kedai Jahit N'NOUR has in managing orders more routinely. The system applies a prototyping methodology approach and consists of major modules including order management, catalog display, and report generation. The system is developed using Visual Studio Code (VS Code) as the development environment and Laravel as the framework. It is deployed online using a Windows-based Virtual Private Server (VPS) to allow remote access. At N'NOUR Sewing Shop, this system is implemented directly to support day-to-day order operations the use of this aims not only to improve financial management but also to enhance the customer

experience. The primary objective is to assist shop owners in making smarter decision, increasing business productivity, and delivering more professional services to customers.

1. Pengenalan

Industri jahitan merupakan sektor yang penting dalam memenuhi pelbagai keperluan masyarakat, termasuk pakaian harian, pakaian rasmi, dan acara istimewa. Kedai Jahit N'NOUR merupakan sebuah perniagaan jahitan yang menyediakan perkhidmatan menjahit pakaian dan aksesori, seperti pakaian harian, pakaian perkahwinan, dan aksesori seperti tanjak. Walau bagaimanapun, pada masa ini, system pengurusan tempahan di kedai N'NOUR masih dijalankan secara manual melalui catatan dalam buku dan komunikasi lisan. Kaedah tradisional ini menyebabkan berlakunya pelbagai cabaran seperti kehilangan maklumat, kesukaran dalam menyusun jadual tempahan, serta kelewatan dalam pemantauan status tempahan pelanggan. Dengan masalah proses manual ini memberi kesan negatif terhadap kecekapan operasi, yang akhirnya mempengaruhi kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan [1][2].

Untuk mengatasi isu-isu tersebut, satu system pengurusan tempahan berasaskan web (E-JahitNnour) dicadangkan. Sistem ini bertujuan untuk menyusun dan mempermudah proses tempahan dengan lebih efisien dan sistematik, di samping menyokong keperluan pemantauan status tempahan semasa, paparan katelogg produk, serta penajaan laporan jualan dan prestasi sistematik. Skop sistem ini adalah merangkumi pengurusan tempahan, paparan katelogg, pendaftaran pengguna, notifikasi, dan penajaan laporan untuk pemantauan dan perancangan perniagaan yang lebih baik [2][3].

Objektif utama projek ini adalah untuk mereka bentuk, membangunkan, dan menguji sistem pengurusan tempahan yang bersesuaian dengan keperluan operasi harian Kedai Jahit N'NOUR. Sistem yang dibangunkan diharapkan dapat meningkatkan kecekapan pengurusan, memperbaiki kualiti perkhidmatan kepada pelanggan, serta memperkuat daya saing perniagaan dalam industri jahitan tempahan, sekaligus dapat memberikan kemudahan kepada pelanggan dalam membuat permintaan tempahan dengan lebih mudah.[18]

Kelebihan utama sistem ini adalah termasuk meningkatkan ketepatan pengurusan tempahan, menjimatkan masa dalam penyusunan jadual, serta memastikan setiap permintaan dapat dipantau dengan lebih teratur. Selain itu, penggunaan sistem berasaskan web membolehkan pentadbir dan pekerja mengakses maklumat dari mana-mana lokasi, memudahkan pengurusan yang lebih fleksibel dan cekap. Penggunaan teknologi ini diharapkan dapat membantu Kedai Jahit N'NOUR berdaya saing dalam pasaran yang semakin kompetitif.

2. Kajian Literatur

Pada bahagian ini, penerangan tentang domain kajian, teknologi yang digunakan, dan perbandingan analisis dibincangkan.

2.1 Sistem Berasaskan Web

Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR dibangunkan menggunakan kaedah berasaskan web yang membolehkan akses mudah melalui pelayar web tanpa memerlukan pemasangan aplikasi secara manual pada peranti pengguna. Teknologi ini memberikan paparan yang jelas dan mudah digunakan oleh pemilik dan pekerja kedai jahit.

Pembangunan antara muka pengguna (UI) melibatkan penggunaan HTML dan CSS untuk pengalaman yang interaktif dan mesra pengguna. Laravel digunakan sebagai rangka kerja hujung belakang (backend) untuk memastikan sistem cekap dalam mengurus data tempahan pelanggan dan menyokong integrasi dengan pangkalan data [4]. MySQL dipilih sebagai pangkalan data kerana kemampuannya menampung jumlah data yang besar dengan tahap keselamatan yang tinggi [7].

Kaedah berasaskan web ini menawarkan fleksibiliti akses, kemudahan pengurusan, dan ekonomi dari segi kos. Ia membolehkan sistem dikemas kini secara langsung di pusat pelayan, menjimatkan masa dan tenaga tanpa perlu mengubah peranti. Dengan teknologi ini, sistem dapat berfungsi secara optimum di pelbagai lokasi, menyediakan interaksi masa nyata yang penting untuk operasi kedai jahit [6].

2.2 Model-View-Controller (MVC)

Corak reka bentuk Model-View-Controller (MVC) digunakan untuk membangunkan sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR kerana struktur modularnya yang memisahkan logik perniagaan, pengurusan data, dan antaramuka pengguna. Pendekatan ini membolehkan sistem dikembangkan secara teratur dan diselenggara dengan lebih mudah.

Komponen Model dalam sistem ini bertanggungjawab mengurus data tempahan, seperti rekod pelanggan, butiran tempahan, dan status pengeluaran pakaian. Semua data ini disimpan dalam pangkalan data MySQL yang direka khusus untuk menyokong keperluan unik kedai. Komponen View, yang terdiri daripada elemen HTML,

CSS, dan JavaScript, memaparkan maklumat tempahan dalam format yang mesra pengguna. Antaramuka ini direka untuk pekerja dan pentadbir kedai agar mudah digunakan semasa mengurus status tempahan atau jadual kerja.

Controller bertindak sebagai penghubung utama antara Model dan View, mengendalikan input dari pentadbir dan pekerja untuk memastikan data yang dimasukkan ke dalam sistem diproses dengan betul. Sebagai contoh, Controller akan menguruskan pengiraan kos tempahan secara automatik berdasarkan input jenis kain, ukuran, dan tarikh siap yang dimasukkan oleh pekerja. Struktur modular ini memudahkan pengemaskinian dan penambahbaikan sistem untuk memenuhi keperluan masa depan Kedai Jahit N'NOUR.

2.3 Laravel

Laravel dipilih sebagai kerangka kerja PHP yang memainkan peranan utama dalam Pembangunan Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR. Framework ini dipilih kerana kemampuannya menyokong Pembangunan aplikasi web yang kompleks dengan ciri-ciri seperti routing fleksibel, middleware untuk pengesahan pengguna, dan Eloquent ORM untuk pengurusan pangkalan data [9].

Dalam konteks projek ini, Laravel mempermudah penyediaan fungsi seperti pendaftaran tempahan pelanggan, pengurusan status tempahan, dan penajanaan laporan prestasi kedai. Penggunaan Blade Templating Engine dalam Laravel memastikan antaramuka pengguna dapat direka dengan dinamik dan konsisten dengan keperluan estetika Kedai Jahit N'NOUR [10][11].

Selain itu, Laravel menyokong pengurusan migrasi pangkalan data, yang membolehkan perubahan pada struktur data dilakukan dengan lebih mudah dan selamat. Fungsi ini amat berguna apabila terdapat keperluan untuk menambah modul baharu atau meningkatkan kapasiti sistem untuk menyokong lebih banyak data pelanggan. Secara keseluruhannya, Laravel memberikan asas teknologi yang kukuh untuk membangunkan sistem yang memenuhi keperluan unik Kedai Jahit N'NOUR dengan kecekapan tinggi dan fleksibiliti jangka Panjang [4][12].

2.4 Analisis Perbandingan Sistem Sedia Ada

Jadual 1 menunjukkan perbandingan sistem sedia ada dengan sistem yang dicadangkan bagi mengkaji fungsi modul yang menjadi kelebihan dalam setiap sistem sedia ada dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam pembangunan Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR. Laman web yang terlibat dalam perbandingan ini ialah jejahit.com, wawantailor.com dan marozonline.com.


Jadual 1 Perbandingan sistem sedia ada

Fungsi Sistem	Wawan Tailor	Jejahit	Marozonline	E-JahitNnour
Pendaftaran Maklumat Pengguna	X	✓	X	✓
Paparan dan Katalog	✓	X	✓	✓
Pengurusan Tempahan	X	✓	✓	✓
Pengiraan Kos secara berkomputer	X	✓	X	✓
Notifikasi	✓	✓	✓	✓
Penajanaan Laporan	X	X	X	✓

Perbandingan sistem sedia ada ini bertujuan untuk membandingkan modul-modul yang dimiliki oleh tiga sistem yang telah sedia ada seperti Wawan Tailor, Jejahit dan Marozonline dengan sistem baru yang akan dibangunkan, iaitu Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR. Jadual ini direka untuk melihat secara menyeluruh beberapa kelebihan modul yang dimiliki oleh sistem sedia ada ini, sehingga dapat dijadikan sebagai rujukan dalam pengembangan sistem E-JahitNnour. Dari jadual tersebut, dapat dipastikan bahawa Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR ini dihasilkan dengan memiliki modul yang lebih lengkap mengikut perbandingan tersebut seperti modul pendaftaran maklumat pengguna, pengurusan tempahan, paparan dan katalog, notifikasi serta penajanaan laporan.

3. Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam Pembangunan sisten E-NourJahit adalah model Prototaip. Model ini dipilih kerana ia merupakan pendekatan yang fleksibel dan interaktif. Membolehkan Pembangunan sistem dilakukan secara berperingkat dan memastikan setiap fasa pembangunan boleh disesuaikan mengikut keperluan pengguna.



Rajah. 1 Prototaip Metodologi

Model ini terdiri daripada enam fasa utama iaitu pengumpulan keperluan, di mana keperluan projek dikenal pasti bersama pemilik kedai. Terdapat fasa reka bentuk yang melibatkan perancangan pangkalan data dan antara muka menggunakan alat seperti UML. Fasa ketiga adalah pembangunan prototaip awal, dengan memfokuskan pada fungsi asas seperti pengurusan tempahan dan katalog. Fasa seterusnya penilaian pelanggan di mana prototaip diuji oleh pengguna untuk mengenal pasti kelemahan dan fungsi tambahan. Fasa selanjutnya adalah penambahbaikan prototaip yang menggunakan maklum balas untuk memperbaiki sistem dan produk akhir merupakan fasa terakhir di mana fungsi sistem diuji sepenuhnya untuk memastikan ia memenuhi keperluan pengguna dan berfungsi dengan baik [14][15][16].

3.1 Aliran Kerja Pembangunan Sistem

Terdapat Sembilan fasa keseluruhan dalam model prototaip. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1. Setiap fasa mempunyai tugas dan hasil yang perlu dilaksanakan sepanjang Pembangunan projek. Selain itu, hasil perlu di siapkan dalam tempoh hari yang ditetapkan.

Jadual 2 Keperluan Fungsian dan Bukan Fungsian

Fasa	Tugasan	Hasil
Pengumpulan Keperluan	- Mencadangkan projek - Merancang aktiviti untuk analisis - Memban	- Menentukan Jadual Projek - Menetapkan Aktiviti - Penghasilan Carta Gantt - Dokumentasi Analisis
Reka Bentuk	- Merangka struktur pengkalan data - Membuat reka bentuk antara muka - Membangunkan UML, Rajah Kelas, Carta Alir Proses dan Seni Bina Sistem	- Rajah Kelas - UML - Carta Alir Proses - Seni Bina Sistem - Skema Pangkalan Data - Kamus Data
Prototaip	- Membangunkan Prototaip asas - Menyediakan antara muka dan fungsi asas - Semak hasil prototaip	- Antaramuka - Fungsi Asas
Penilaian Pelanggan	- Menguji Prototaip - Mengumpul Maklum balas - Menyediakan Laporan	- Pengujian - Maklum Balas Pengguna - Dokumentasi
Penambahbaikan	- Memperbaiki antara muka - Melakukan ujian - Menyediakan Laporan	Versi prototaip terkini
Produk Akhir	- Latihan penggunaan system - Pelancaran Sistem Kedai Jahit N'NOUR - Menyediakan Laporan	- Sistem Siap - Dokumentasi

Aliran kerja pembangunan sistem ini direka untuk memastikan setiap langkah dalam pembangunan sistem berjalan dengan lancar dan sistematik. Proses ini memberikan struktur yang jelas, membolehkan pasukan

pembangunan memberi tumpuan kepada setiap fasa tanpa melangkaui keperluan. Setiap fasa mempunyai tujuan dan hasil yang jelas. Sebagai contoh, fasa pengumpulan keperluan menghasilkan dokumen yang menjadi asas kepada reka bentuk, manakala fasa reka bentuk menghasilkan teknikal seperti antara muka dan rajah kelas. Dalam fasa prototaip, modul utama dibangunkan untuk diuji oleh pengguna dan memastikan sistem memenuhi keperluan sebenar mereka sebelum diteruskan ke fasa penambahbaikan dan produk akhir. Dengan memanfaatkan maklum balas pengguna sepanjang proses, hasil akhir yang diperoleh adalah sistem yang lebih stabil, mesra pengguna, dan relevan dengan keperluan Kedai Jahit N'NOUR.

4. Analisis Dan Reka Bentuk

Bahagian ini menjelaskan proses analisis dan reka bentuk system yang dibangunkan untuk meningkatkan pengurusan tempahan di Kedai Jahit N'NOUR. Dalam fasa ini, keperluan system dikaji dengan teliti untuk memastikan sistem yang diangunkan memenuhi objektif dan memudahkan proses harian. Reka bentuk teknikal seperti antaramuka pengguna dan struktur modul diperincikan untuk menyelesaikan masalah kaedah manual yang sedia ada dan memperbaiki kecekapan pengurusan.

4.1 Keperluan Sistem

Keperluan sistem adalah ciri-ciri utama yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas yang dirancang dengan efektif. Sistem E-Jahitnnour direka untuk membantu proses pengurusan tempahan kedai jahit N'NOUR bagi menggantikan kaedah manual yang memerlukan lebih banyak masa. Keperluan ini memastikan setiap modul dapat mencapai fungsi yang tepat untuk pelancaraan sistem di Kedai Jahit N'NOUR.

Jadual 3 Keperluan Fungsian

Modul	Peneragan
Pendaftaran Maklumat Pengguna	- Membolehkan pengguna baru mendaftar akaun sebelum log masuk. - Membolehkan pengguna sedia ada log masuk menggunakan ID dan kata laluan.
Pengurusan Paparan Dan Katalog	- Memaparkan katalog reka bentuk pakaian atau produk kepada pelanggan. - Membolehkan pelanggan melihat reka bentuk produk dan penerangannya.
Pengurusan Tempahan	- Membolehkan pentadbir dan pekerja menambah, mengemaskini dan memadam tempahan. - Membenarkan pentadbir dan pekerja menguruskan senarai tempahan dan semakan status semasa tempahan.
Pengiraan kos secara berkomputer	Membolehkan pentadbir menguruskan pengiraan kos tempahan secara berkomputer yang diperlukan dalam tempahan.
Notifikasi	- Menghantar pemberitahuan kepada pelanggan secara atas talian seperti emel untuk status tempahan. - Menghantar notifikasi kepada pentadbir untuk pengesahan pendaftaran. - Menghantar notifikasi kepada pentadbir untuk permintaan tempahan baru - Menyediakan kemas kini masa nyata mengenai kemajuan tempahan.
Penjanaan Laporan	- Membolehkan pemilik menjana laporan tempahan dan prestasi penjualan. - Memberi maklumat analitik membantu membuat keputusan strategik.

Jadual 3 menekankan Keperluan fungsian menekankan ciri-ciri utama sistem yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi kedai jahit, seperti pendaftaran pengguna, pengurusan paparan katalog dan tempahan, pengiraan kos, serta pemberitahuan dan penjana laporan berasaskan daripada data yang diterima. Semua modul ini dibina untuk memberikan kemudahan kepada pemilik, pekerja dan pelanggan dalam proses operasi harian.

Jadual 4 Keperluan Bukan Fungsian

Modul	Peneragan
Prestasi	• Sistem harus sentiasa boleh digunakan tanpa penangguhan.
Masa Respon	• Masa memuatkan laman web tidak boleh melebihi 30 saat.
Keselamatan	• Sistem perlu mempunyai pengesahan pengguna yang selamat
Kebolehgunaan	• Sistem harus mempunyai antara muka mesra pengguna
Kompatibiliti	• Sistem harus boleh berfungsi di pelbagai pelayar web

Jadual di atas menerangkan tentang keperluan bukan fungsian bagi Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR. Keperluan bukan fungsian pula memastikan sistem berfungsi dengan lancar dan mempunyai ciri keselamatan. Fokus terhadap prestasi, masa respon yang cepat, keselamatan pengesahan pengguna, kebolehgunaan antara muka serta kompatibiliti dengan pelbagai pelayar web. Hal ini dapat menjamin pengalaman pengguna yang positif dan kepercayaan terhadap sistem.

4.2 Analisis Sistem

Lampiran A, B dan C menyajikan visualisasi lengkap terhadap sistem pengurusan kedai jahit N'NOUR dalam bentuk Rajah Penggunaan Kes, Rajah Kelas, dan Carta Alir Proses.

Rajah Penggunaan Kes di Lampiran A menggambarkan keperluan fungsian utama sistem dengan memaparkan interaksi antara pelakon iaitu Pelanggan, Pekerja dan Pentadbir. Ia menerangkan secara jelas Tindakan yang boleh dilakukan seperti membuat tempahan, semakan status, pengurusan aduan, kemaskini katelog dan penjana laporan. Rajah ini menunjukkan bagaimana setiap fungsi saling berkait untuk menyokong operasi sistem secara menyeluruh.


Rajah Kelas di Lampiran B pula memperincikan struktur dan hubungan entiti dalam pangkalan data. Ia menunjukkan kelas utama seperti Tempahan, Pengguna, Katelog, Kategori, Testimoni, AduanCadangan, dan Invois. Setiap kelas mengandungi atribut yang relevan serta operasi (fungsi) yang berkait rapat dengan proses sistem sebenar, seperti senaraiTempahan(), rekodHargaTempahan(), dan kemaskiniPengguna(). Hubungan antara entiti dilukis menggunakan sambungan pewarisan dan perkaitan, termasuk satu-ke-banyak (1: M) serta petunjuk kepada operasi automatic seperti penjana invois.

Carta Alir Proses di Lampiran C menggambarkan aliran kerja atau proses logik dalam sistem bermula daripada proses log masuk pengguna. Ia menunjukkan bagaimana pengguna disemak kelayakan mengikut peranan (pemilik, pekerja, pelanggan) dan seterusnya diberi akses ke modul yang berkaitan. Contohnya, pemilik diberi akses kepada pengurusan pengguna, produk, dan penjana laporan, manakala pelanggan dibawa terus ke paparan katelog dan status tempahan. Carta ini membantu dalam menggambarkan urutan tindakan sebenar dalam penggunaan sistem secara praktikal.

Kesimpulannya, ketiga-tiga lampiran ini berperanan penting dalam fasa analisis sistem, dengan memperjelas fungsi sistem, struktur entiti dan aliran logic proses bagi menyokong Pembangunan sistem pengurusan tempahan yang lebih efisien, tersusun dan mesra pengguna.

4.3 Reka Bentuk Sistem

Rajah 2 menunjukkan seni bina sistem bagi Sistem Pengurusan Kedai Jahit N'NOUR. Seni bina ini menggambarkan hubungan antara pengguna utama sistem, iaitu pelanggan, pemilik kedai, pekerja, dengan modul utama dalam sistem.



Rajah 2 Seni Bina Sistem

Rajah 2 menunjukkan seni bina sistem bagi Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR, yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu pelanggan, pekerja dan pemilik kedai (pentadbir/admin). Pelanggan berinteraksi dengan sistem web untuk menyemak status tempahan dan menerima maklumat berkaitan, sementara pekerja dan pemilik kedai menguruskan maklumat tempahan serta maklumat kedai. Sistem ini menggunakan pangkalan data sebagai repositori utama untuk menyimpan dan mengurus data, dengan fungsi utama seperti paparan maklumat dan simpanan maklumat yang disokong oleh lapisan pengantara. Susun atur ini memastikan aliran maklumat yang cekap antara pengguna, sistem web, dan pangkalan data sekaligus meningkatkan kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Jadual 5 Jadual Skema

Bil	Nama Jadual	Atribut
1	Aduan_cadangan	Id, nama_pelanggan, tajuk, kategori, tarikh, status, mesej, email, no_telefon.
2	Pengguna	Id, nama, emel, kataLaluan, peranan, no_telefon.
3	Tempahan	Id, alamat, no_telefon, ukuran_dada, ukuran_pinggan, ukuran_bahu, ukuran_lengan, jenis_kain, warna_kain, saiz, harga_tempahan, nota_tambahan.
4	Invois	idInvoice, idTempahan, Tarikh, catatan, HargaPerTempahan
5	Katalog	Id, nama, kategori, gambar, warna, saiz, harga, penerangan.
6	Kategori	Id, nama.
7	Testimoni	Id, nama, maklum_balas, gambar

Jadual-jadual dalam reka bentuk ini berfungsi untuk menyokong pengurusan maklumat dalam sistem dengan tersusun dan cekap. Jadual aduan_cadangan merekodkan maklumat aduan atau cadangan pelanggan untuk dihantar kepada pentadbir. Jadual pengguna menyimpan maklumat pentadbir dan pekerja yang bertanggungjawab dalam pengurusan sistem. Jadual Tempahan dan Invois memainkan peranan penting dalam mencatat proses tempahan, status, dan invois secara berkomputer untuk tujuan rekod dan pembayaran. Jadual Katalog dan Kategori adalah untuk mempermudah pengelompokan produk dalam katalog. Akhir sekali, jadual Testimoni memaparkan maklumat penting tentang maklum balas pelanggan lama yang telah membuat tempahan jahitan di Kedai Jahit N'NOUR. Kesemua jadual ini saling berkait dan menyokong keseluruhan operasi sistem secara terintegrasi.

4.4 Reka Bentuk Awal Antaramuka

Antaramuka awal ini sebagai prototaip yang direka mengikut proses utama yang telah dikenalpasti dalam sistem. Rekaan ini memastikan interaksi antara pengguna dan sistem berjalan dengan lancar. Semua antaramuka direka menggunakan pendekatan mesra pengguna dengan tataletak yang mudah difahami.

(a)

(b)

Rajah 3 Antaramuka Daftar Pengguna(a), Antaramuka Log Masuk(b)

Rajah 3 menunjukkan antaramuka pendaftaran dan log masuk pengguna yang direka untuk memudahkan navigasi dan penggunaan sistem. Antaramuka (a) memaparkan borang daftar pengguna baharu yang membolehkan pengguna memasukkan maklumat seperti nama, emel, kata laluan, dan tarikh lahir. Reka bentuk borang ini tersusun kemas dengan butang “Daftar” yang diletakkan secara strategik untuk kemudahan capaian, serta pautan ke halaman log masuk bagi pengguna sedia ada.

Sementara itu, antaramuka (b) menunjukkan halaman log masuk yang digunakan oleh pemilik atau pekerja untuk mengakses sistem. Pengguna perlu memasukkan emel dan kata laluan yang sah untuk meneruskan. Proses pengesahan ini penting bagi memastikan hanya pengguna berdaftar yang dibenarkan masuk ke papan muka sistem. Sekiranya maklumat yang dimasukkan tidak sah, sistem akan memaparkan mesej ralat bagi memaklumkan kesilapan yang berlaku.

#	Nama Produk	Nama Kategori	Warna	Size	Penerangan	Tindakan
1		pakaian kategori				Edit
2		pakaian kategori				Edit
3		Baju Kurung				Edit
4		Baju Kemeja				Edit


Rajah 4 Antaramuka pengurusan paparan katelogs

Rajah 4 menunjukkan Antaramuka pengurusan paparan katelogs yang dipaparkan untuk menunjukkan fungsi-fungsi asas yang terdapat pada halaman ini. Beberapa maklumat penting mengenai paparan katelogs yang perlu diberi perhatian seperti nama produk, kategori dan penerangan produk telah direka bentuk dan dipaparkan dengan jelas untuk kemudahan pengguna. Antaramuka ini direka untuk memudahkan proses pengurusan katelogs produk, dengan menekankan pada keselesaan dan kefahaman pengguna. Selain itu, beberapa fungsi tambahan seperti tombol untuk kemaskini dan hapus produk turut disediakan untuk meningkatkan fleksibiliti pengurusan data produk. Tombol-tombol ini akan membolehkan pengguna untuk mengemaskini atau memadam produk katelogs dengan mudah. Secara keseluruhan, antaramuka ini menerangkan ciri-ciri asas yang wajar ada dalam pengurusan katelogs, seperti kemudahan mengurus, menambah, dan menyunting maklumat produk dengan pantas, sekaligus memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik dan efisien.



Rajah 5 Antaramuka Pengurusan Tempahan

Antaramuka pengurusan tempahan yang ditampilkan adalah reka bentuk prototaip awal bagi menunjukkan fungsi-fungsi asas yang terdapat pada halaman ini. beberapa maklumat penting tentang tempahan seperti ID, status dan nama pelanggan juga turut di reka bentuk dan di tampilkan dengan baik. Tombol aksi seperti kemaskini dan hapus juga akan ditambah untuk fleksibiliti yang lebih besar. Secara keseluruhan, antaramuka ini menjelaskan tentang fitur-fitur asas yang wajar ada di antaramuka pengurusan tempahan.



Rajah 6 Antaramuka Papan Pemuka

Rajah 6 ini menunjukkan reka bentuk papan pemuka yang mesra pengguna, dengan elemen visual yang kemas dan teratur. Fungsi pemilihan menu di bahagian sisi kiri membantu dan memudahkan pengguna melakukan aktiviti pengurusan di bahagian papan pemuka. Selain itu, paparan pemuka memaparkan analitik bagi jualan dan tempahan yang diterima oleh Kedai Jahit N'NOUR bagi membantu proses pembincangan lanjut untuk memantapkan lagi perniagaan. Antaramuka ini direka untuk memastikan pengalaman pengguna lebih efisien dan menyokong keperluan pengurusan dalaman secara sistematik.

5. Hasil dan Perbincangan

Secara keseluruhan, hasil ujian sistem yang dijalankan menunjukkan bahawa sistem E-JahitNnour ini dapat berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan operasi harian Kedai Jahit N'NOUR. Ujian yang dilakukan melibatkan modul-modul utama dalam sistem, seperti log masuk, pengurusan tempahan, paparan katelog, notifikasi serta penjaan laporan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa setiap modul berfungsi dengan lancar, memberi kemudahan kepada pengguna dalam menjalankan tugas harian.

5.1 Reka Bentuk Sistem

Reka bentuk sistem ini merangkumi komponen utama yang menyokong operasi Kedai Jahit N'NOUR, termasuklah pengurusan tempahan, log masuk, paparan katelog, dan penjaan laporan. Disertakan juga keratin kod yang berkaitan dengan antaramuka setiap komponen utama.

```
{% action="{{ route('authenticate') }}" method="POST"%}
@csrf



<label for="email" class="col-md-4 col-form-label text-md-right">{{ __('Email') }}</label>

    <div class="col-md-6">
        <input id="email" type="email"
            class="form-control"
            name="email" value="{{ old('email') }}" autocomplete="email" autofocus required placeholder="Email">
    </div>
</div>




<label for="password" class="col-md-4 col-form-label text-md-right">{{ __('Kata Laluan') }}</label>

    <div class="col-md-6">
        <input id="password" type="password" class="form-control" name="password" required autocomplete="current-password">
    </div>
</div>


```

Rajah 7



Log Masuk Pekerja

Emel

Kata Laluan

☐ Ingat Saya

[Log Masuk](#) [Daftar Pekerja Baru](#)


Rajah 8

Rajah 7 ini menunjukkan kod *Laravel Blade* yang digunakan untuk membina borang log masuk pengguna, yang mengandungi dua input utama iaitu Emel dan Kata Laluan. Kod ini menggunakan kaedah *POST* untuk menghantar maklumat ke route *authenticate*. Ciri-ciri keselamatan seperti *@csrf* digunakan untuk mengelakkan serangan *CSRF*. *Input* juga disertakan dengan validasi seperti *required* dan *autocomplete*, bagi memastikan pengguna memasukkan maklumat yang sah sebelum log masuk. Seterusnya, Rajah 8 memaparkan antaramuka log masuk pekerja yang direka khas untuk memudahkan pengguna mengakses sistem. Antaramuka ini membolehkan pengguna memasukkan emel dan kata laluan mereka serta menyediakan butang “Ingat Saya” untuk kemudahan pengguna yang ingin menyimpan maklumat log masuk mereka. Di bawah butang log masuk, terdapat pautan untuk “Daftar pekerja baru” bagi pengguna yang belum mendaftar, menjadikan reka bentuk antaramuka ini lebih mesra pengguna dan mudah diakses.

```
@section('scripts')
<script>
    var options = {
        series: [
            {
                name: 'Siap',
                data: @json($monthlyOrdersCompleted)
            }, {
                name: 'Dalam Proses',
                data: @json($monthlyOrdersInProgress)
            }
        ],
        chart: {
            type: 'bar',
            height: 300
        },
        title: {
            text: 'Jumlah Tempahan Siap dan Dalam Proses',
        },
        xaxis: {
            categories: ['Jan', 'Feb', 'Mar', 'Apr', 'May', 'Jun', 'Jul', 'Aug', 'S
        ]
    };

    var chart = new ApexCharts(document.querySelector("#chart-statistik-tempahan"),
    chart.render());
</script>
@endsection
```

Rajah 9



Rajah 10

Rajah 9 menunjukkan kod JavaScript untuk menghasilkan carta bar dalam papan pemuka menggunakan ApexCharts, memaparkan data jumlah tempahan “Siap” dan “Dalam Proses” setiap bulan. Data ini dihantar melalui *Laravel Controller*. Seterusnya rajah 10 menunjukkan antaramuka papan pemuka yang memaparkan statistik seperti jumlah jualan, pelanggan, dan tempahan. Carta bar dan pai digunakan untuk visualisasi data, membantu pemilik kedai membuat keputusan dengan cepat dan efisien. Reka bentuk ini disusun kemas dengan tema yang konsisten, memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik.

```
function(scripts)
script:
  document.getElementById('existing_user').addEventListener('change', function () {
    var selected = this.value;

    // Call the fetch URL
    fetch any link/panahan/panahan/{selectedId}')
    .then(response => response.json())
    .then(data => {
      document.getElementById('nama_pelanggan').value = data.nama_pelanggan || '';
      document.getElementById('nomor_telepon').value = data.nomor_telepon || '';
      document.getElementById('alamat').value = data.alamat || '';
      document.getElementById('jenis_tampan').value = data.jenis_tampan || '';
      document.getElementById('tarih_tampan').value = data.tarih_tampan || '').substr(0,10);
      document.getElementById('skuran_data').value = data.chest_size || '';
      document.getElementById('skuran_pinggang').value = data.waist_size || '';
      document.getElementById('lebar_bahu').value = data.shoulder_width || '';
      document.getElementById('panjang_lengan').value = data.sleeve_length || '';
      document.getElementById('jenis_kain').value = data.jenis_kain || '';
      document.getElementById('warna_kain').value = data.warna_kain || '';
      document.getElementById('size').value = data.size || '';
      document.getElementById('harga_tampan').value = data.harga_tampan || '';
      document.getElementById('catatan_tampan').value = data.additional_notes || ''
    })
  }).catch(error => console.error('Gagal ambil data pelanggan', error));

});
</script>
</script>
```

Rajah 11


[illegible]

Rajah 12

Rajah 11 menunjukkan kod *JavaScript* yang digunakan untuk memaparkan data pelanggan secara automatik apabila pengguna memilih pelanggan sedia ada daripada senarai. Kod ini mengambil ID pelanggan melalui *event listener* dan menghantar permintaan ke backend *Laravel API* menggunakan *fetch()*, kemudian mengisik maklumat seperti nama, nombor telefon, alamat dan maklumat tempahan secara automatik. Rajah 12 pula memaparkan antaramuka pengurusan tempahan, di mana pekerja dan pentadbir kedai boleh menguruskan tempahan dengan lebih teratur. Borang ini menyusun maklumat pelanggan dan tempahan secara kemas, serta menyokong pengisian automatik berdasarkan data yang diambil daripada kod di rajah 11. Data yang dikemas kini akan disimpan ke dalam pangkalan data melalui *Laravel Controller*, mempercepatkan proses kemasukan data dan mengurangkan kesilapan manual.




Rajah 13




Rajah 14

Pengurusan katalog membenarkan pengguna memasukkan maklumat seperti nama, kategori, warna, saiz, gambar, dan penerangan reka bentuk produk. Rajah 13 menunjukkan kod *JavaScript* yang digunakan untuk mengemaskini data katalog apabila pengguna menekan butang “Kemaskini”. Kod ini menghantar permintaan *fetch()* untuk mengisi borang kemaskini dengan maklumat produk yang telah di isi secara automatik bagi memastikan tiada data lama yang perlu di taip semula. Rajah 14 memaparkan antaramuka pengurusan katalog yang membolehkan pengguna menambah, menyunting, dan memadam produk. Butang “Kemaskini” dan “Padam” memudahkan pengurusan produk, manakala reka bentuk antaramuka yang bersih dan responsif memastikan proses kemaskini katalog dilakukan dengan efisien oleh pentadbir dan pekerja kedai.



Rajah 15



Rajah 16

Rajah 15 menunjukkan kod *Blade* untuk memaparkan laporan tempahan dalam jadual interaktif, dengan maklumat seperti nama pelanggan, jumlah tempahan, harga, dan tarikh. Butang “Cetak PDF” dan “Cetak Excel” membolehkan pemilik kedai menjana laporan dalam format yang sesuai. Rajah 16 pula menunjukkan antaramuka penjana laporan yang memaparkan senarai tempahan lengkap dan menyediakan butang untuk eksport ke format PDF atau Excel. Antaramuka ini direka ringkas dan mudah difahami, memudahkan pemilik kedai membuat keputusan berdasarkan laporan dan prestasi harian dan bulanan.

5.2 Pengujian Sistem

Proses penilaian sistem yang dijalankan semasa pengujian sistem adalah bertujuan untuk memastikan Pengujian kefungsiian mencapai kebolehgunaan dan keberkesanan setiap modul dalam sistem. Pengguna yang terdiri daripada Pentadbir, Pekerja dan Pelanggan telah terlibat dalam pengujian sistem. Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian berdasarkan fungsi utama yang telah dibangunkan, termasuk modul log masuk, tempahan, paparan katalog, pengiraan secara berkomputer, notifikasi dan penjanaan laporan.

Jadual 6 Kes Ujian Log Masuk

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M1-1	Memasukkan emel dan katalaluan yang betul	Berjaya log masuk	Berjaya Log masuk	Lulus
M1-2	Mendaftar emel dan kata laluan yang baru	Berjaya daftar emel dan kata laluan	Berjaya daftar emel dan kata laluan	Lulus
M1-3	Menukar katalaluan sekiranya tidak ingat	Berjaya kemaskini kata laluan baru	Berjaya kemaskini kata laluan	Lulus

Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian bagi modul log masuk dan pendaftaran. Ketiga-tiga kes ujian yang dilaksanakan berjaya sepenuhnya dengan mencapai keberhasilan Lulus. Pengguna berjaya memasukkan emel dan katalaluan yang didaftarkan, Selain itu, pengguna juga dapat mendaftar emel dan kata laluan untuk log masuk serta menukar kata laluan sekiranya tidak ingat. Ini menunjukkan bahawa fungsi keselamatan dan pengurusan akaun dalam sistem berjalan dengan baik dan mesra pengguna.

Jadual 7 Kes Ujian Tempahan

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M2-1	Memasukkan Tempahan Baru	Berjaya memasukkan tempahan baru	Data tempahan baru di simpan	Lulus
M2-2	Mengemaskini dan Memadam Tempahan	Tempahan Berjaya di kemaskini dan di padam	Tempahan Berjaya di kemaskini dan di padam	Lulus
M2-3	Menyemak Senarai Tempahan dan Pelanggan lama	Senarai tempahan dan pelanggan lama mengikut pangkalan data	Senarai Tempahan dan pelanggan lama mengikut data sebenar	Lulus

Jadual 7 menunjukkan keputusan bagi kes ujian pengurusan tempahan. Semua ujian telah menunjukkan keberhasilan lulus. Pengguna dapat memasukkan tempahan baharu dengan mudah, mengemaskini dan memadam tempahan dengan tepat, serta menyemak senarai tempahan dan pelanggan lama yang dipaparkan secara masa nyata. Ini membuktikan bahawa modul ini berfungsi dengan stabil dan menyokong sepenuhnya keperluan operasi harian kedai jahit.

Jadual 8 Kes Ujian Paparan Katalog

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M3-1	Memasukkan Maklumat Reka Bentuk Produk	Maklumat Reka bentuk di hantar ke pangkalan data	Maklumat berjaya disimpan	Lulus
M3-2	Mengemaskini dan memadam reka bentuk produk	Maklumat di kemaskini atau dipadam di pangkalan data	Reka bentuk produk berjaya di kemaskini dan dipadam	Lulus
M3-3	Menyemak senarai reka bentuk produk	Senarai mengikut maklumat semasa di pangkalan data	Senarai reka bentuk produk berjaya dipaparkan	Lulus

Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian bagi modul paparan katalog. Semua kes ujian berjaya dilaksanakan dengan kadar kejayaan lulus. Sistem berjaya menyimpan maklumat reka bentuk baharu, mengemaskini produk sedia ada, dan memaparkan maklumat kategori serta katalog secara tepat dan terkini. Ini membuktikan sistem dapat menyokong keperluan pentadbir dalam mengurus produk secara efisien, seterusnya membantu pelanggan melihat pilihan reka bentuk pakaian dengan mudah.

Jadual 9 Pengiraan Secara Berkomputer

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M4-1	Menyemak fungsi analisis	Analisis di papan pemuka mengikut penjualan semasa	Data yang dipaparkan tepat	Lulus
M4-2	Menyemak fungsi pengiraan di penajaan laporan	Fungsi pengiraan berjaya	Fungsi pengiraan berjaya dilakukan	Lulus
M4-3	Menguji pengiraan keseluruhan tempahan berdasarkan pilihan tapisan	Pengiraan berjaya dilakukan mengikut kuantiti tempahan	Pengiraan keseluruhan kurang tepat	Gagal

Jadual 9 memaparkan hasil pengujian modul pengiraan secara berkomputer. Dua ujian menunjukkan keberhasilan lulus. Sistem berjaya memaparkan analisis jualan secara masa nyata di papan pemuka, melakukan pengiraan dalam modul penajaan laporan dengan tepat, tetapi mengira jumlah keseluruhan tempahan berdasarkan pilihan tapisan mendapatkan hasil yang kurang tepat. Ini memberi peluang kepada sistem untuk membuat penambahbaikan untuk mendapatkan hasil pengiraan secara keseluruhan berdasarkan tapisan yang tepat.

Jadual 10 Kes Ujian Notifikasi

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M5-1	Memberikan notifikasi kemaskini status tempahan kepada pelanggan apabila selesai	Pelanggan menerima notifikasi apabila tempahan dikemaskini	Notifikasi diterima	Lulus
M5-2	Menghantar notifikasi kepada pentadbir untuk pengesahan pendaftaran pengguna	Pentadbir menerima notifikasi pengesahan pendaftaran	Notifikasi diterima oleh pentadbir	Lulus
M5-3	Menghantar notifikasi permintaan tempahan baharu kepada pentadbir atau pekerja	Permintaan tempahan baru di emel kan kepada pentadbir atau pekerja	Notifikasi diterima untuk permintaan tempahan	Lulus

Jadual 10 memaparkan senarai kes ujian yang dijalankan bagi memastikan sistem notifikasi berfungsi dengan betul. Ujian ini melibatkan situasi kritikal seperti penghantaran notifikasi kepada pelanggan apabila tempahan dikemaskini, notifikasi kepada pentadbir semasa proses pendaftaran pengguna, dan pemberitahuan tempahan baharu kepada pihak pengurusan. Hasil ujian menunjukkan bahawa semua notifikasi berjaya dihantar seperti yang dijangkakan, dan sistem berjaya memaklumkan pengguna serta pentadbir tepat pada masanya. Ini membuktikan kebolehpercayaan sistem dalam menyampaikan maklumat penting kepada pihak berkepentingan secara sistematik.

Jadual 11 Kes Ujian Penjanaaan Laporan

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
M6-1	Memuat turun laporan dalam format PDF dan Excel	Fail PDF dan Excel berjaya dimuat turun	Fail memuat turun PDF dan Excel berjaya	Lulus
M6-2	Menjana Laporan berdasarkan status tempahan (Baru,Siap)	Sistem memaparkan laporan mengikut kategori status tempahan.	Berjaya menjana laporan mengikut status semasa tempahan	Lulus
M6-3	Menapis Laporan mengikut tarikh tempahan	Laporan berjaya ditapis dan hanya paparkan tempahan dalam julat tarikh tertentu	Laporan berjaya di tapis	Lulus
M6-4	Menjana Laporan melalui pilihan tapisan(tarikh, nama pelanggan, status tempahan)	Laporan berjaya Dijana dan paparan dalam PDF lengkap	Laporan berjaya dijana dan paparan dalam PDF lengkap	Lulus

Kes ujian 11 menunjukkan bahawa sistem tidak mempunyai kekangan dari segi rendering PDF dengan data berskala besar. Paparan laporan dalam PDF menampilkan semua rekod seperti dijangka. Justeru penjanaaan laporan ini masih diberi peluang untuk cadangan penambahbaikan pada masa akan datang dari aspek prestasi dan paginasi laporan.

Jadual 12 Ujian Integrasi Antara Fungsi

ID Kes Ujian	Deskripsi	Jangkaan Keputusan	Keputusan Sebenar	Lulus/Gagal
UI-1	Berjaya daftar emel dan katalaluan melalui pengesahan pentadbir	Notifikasi emel berjaya dihantar kepada pentadbir dan berjaya membuat pengesahan	emel dan kata laluan berjaya disahkan	Lulus
UI-2	Maklumat permintaan tempahan yang diisi di halaman utama berjaya dihantar notifikasi	Pentadbir berjaya mendapat notifikasi awal permintaan tempahan	Notifikasi berjaya dihantar	Lulus
UI-3	Senarai tempahan di penjanaaan laporan mengambil maklumat yang tepat	Maklumat pada senarai berjaya dipaparkan dengan tepat	Maklumat yang tepat berjaya dipaparkan	Lulus
UI-4	Analisis laporan jualan tahunan di papan pemuka mengikut total harga tempahan	Papan pemuka memaparkan analisis tempahan dengan tepat	Analisis tempahan berjaya dipaparkan	Lulus

Jadual 12 ini menunjukkan keputusan ujian integrase antara fungsi sistem E-JahitNnour. Setiap ujian mengesahkan bahawa modul-modul dalam sistem berfungsi dengan baik dan dapat berkomunikasi antara satu sama lain dengan lancar. Semua kes ujian, termasuk pengesahan emel, penghantaran notifikasi tempahan, paparan senarai tempahan, dan analisis laporan jualan telah berjaya dijalankan dengan keputusan yang tepat dan memenuhi jangkaan, yang membuktikan bahawa sistem beroperasi dengan efektif dan tanpa masalah.

Jadual 13 Ringkasan Ujian Penerimaan Pengguna

Bil	Kes Uji	Komen / Majoriti
1	Menguji Fungsian Sistem	Memuaskan
2	Fon Tulisan	Tidak cukup jelas
3	Imej/Grafik	Perlu lebih banyak imej
4	Penuhi Keperluan	Sebahagian besar keperluan dipenuhi
5	Penyampaian maklumat tempahan	Perlu penambahbaikan dalam penyampaian maklumat
6	Pengalaman membuat proses tempahan	Agak mudah

Jadual 13 menunjukkan maklum balas pengguna terhadap system E-JahitNnour. Berdasarkan kes ujian yang dijalankan, pengguna mendapati sistem berfungsi dengan baik, menggunakan fon tulisan yang mudah difahami, pemilihan grafik yang sesuai, dan penggunaan warna yang mengikut identity tema kedai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan untuk penambahbaikan, seperti imej pada grafik dan peningkatan dalam penyampaian maklumat tempahan untuk menjadikannya lebih jelas. Selain itu, sistem turut memenuhi keperluan operasi yang penting dan memberikan pengalaman yang agak mudah dalam membuat tempahan. Untuk melihat peratusan ujian penerimaan pengguna dalam bentuk carta pai, sila rujuk **Lampiran D**.

6. Kesimpulan

Sistem Sistem Pengurusan Tempahan Kedai Jahit N'NOUR dibangunkan dengan objektif untuk mengoptimumkan pengurusan tempahan dan operasi kedai secara keseluruhan. Sistem ini berasaskan web, diharapkan dapat menyelesaikan cabaran pengurusan manual melalui automasi modul utama seperti pengurusan tempahan, pengurusan paparan katelog, dan penjana laporan. Keupayaan sistem yang tepat telah menyokong pemilik kedai dalam membuat keputusan strategik. Dengan penyimpanan data yang selamat dan fungsi yang mesra pengguna, sistem ini bukan sahaja memenuhi keperluan kedai jahit tetapi juga memberikan pengalaman perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Keseluruhannya, projek ini membuktikan pentingnya inovasi teknologi dalam meningkatkan produktiviti perniagaan kecil dan menyediakan asas untuk pengembangan sistem di masa hadapan.

Kelebihan sistem ini termasuk peningkatan ketepatan dalam pengurusan tempahan, menjimatkan masa dalam penyusunan jadual tempahan, dan memudahkan pemantauan status tempahan secara masa nyata. Namun beberapa kekangan yang dihadapi termasuklah kestabilan notifikasi yang masih perlu dipertingkatkan, pengiraan keseluruhan tempahan yang kurang tepat berdasarkan tapisan, dan tiada integrasi pembayaran dalam talian, yang boleh memudahkan proses transaksi. Selain itu sistem ini boleh dibuka pada peranti mudah alih akan tetapi belum dioptimumkan sepenuhnya supaya lebih responsif.

Cadangan kerja masa depan termasuk integrasi sistem pembayaran dalam talian untuk kemudahan pelanggan, pembangunan aplikasi mudah alih untuk kemudahan akses oleh pengguna, dan penambahbaikan pada sistem pengiraan serta fungsi notifikasi. Sistem juga perlu dioptimumkan untuk keperluan prestasi, terutamanya dalam penjana laporan dengan paginasi automatik supaya sistem dapat membahagikan data yang banyak ke dalam halaman yang lebih kecil dan dapat memudahkan paparan dan navigasi tanpa membebankan pengguna sistem.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongannya dan dorongan sepanjang proses menjalankan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan kertas ini


Sumbangan Penulis


Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Megat Haziq Megat Azahari, Azizul Azhar Ramli; **pengumpulan data:** Megat Haziq Megat Azahari, Azizul Azhar Ramli; **analisis dan interpretasi hasil:** Megat Haziq Megat Azahari, Azizul Azhar Ramli; **penyediaan draf manuskrip:** Megat Haziq Megat Azahari, Azizul Azhar Ramli. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- [1] Sains, F., Dan, K., & Maklumat, S. (2006). Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Teknologi Maklumat-Pengurusan).
- [2] Hidayu Binti Che Jahari, N., & Bin Radzuan, K. (n.d.). KEBERKESANAN PENGURUSAN STOK BAHAN BINAAN.
- [3] A. Alavi, M., & Leidner, D. E. (2001). Research Commentary: Technology-Mediated Learning - A Call for Greater Depth and Breadth of Research. *Information Systems Research*, 12(1), 1–10. <https://doi.org/10.1287/isre.12.1.1.9720>
- [4] Adams, L. (2021). *Building Scalable Web Applications with Laravel*. Addison-Wesley.
- [5] App, J. W. (n.d.). Jejahit - Sistem Pengurusan untuk Pereka Fesyen & Usahawan Jahitan. Retrieved from <https://jejahit.com/>
- [6] Carlina, S., & Ayundyayasti, P. (2021). Developing order and custom production information system with order tracking system in Batik Balqis Collection. *Keunis*, 9(2), 105. <https://doi.org/10.32497/keunis.v9i2.2553>
- [7] Hernandez, S. (2023). *MySQL Database Management Systems*. Springer.
- [8] Maroz Tailoring Sdn Bhd. (2023, January 11). Ride Tailor - tempah baju tanpa perlu datang ke butik. Maroz. Retrieved from <https://www.marozonline.com/ride-tailor/>
- [9] Maharani, N. P. J., Agussalim, & Hadiwiyanti, R. (2023). Rancang bangun sistem informasi administrasi kasbon menggunakan framework Laravel (Studi kasus: PT INKA Multi Solusi Trading). *Prosiding Seminar Nasional Teknologi Dan Sistem Informasi*, 3(1), 309-317. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.598>
- [10] McDonald, M. (2022). *Modern PHP and Laravel Development*. O'Reilly Media.
- [11] Smith, J. (2020). *Sistem Pengurusan Pengguna: Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Penerbitan DEF.
- [12] Taylor, T. (2022). *Mastering Laravel: Practical Guide for Developers*. Apress.
- [13] Wawan Tailor. (n.d.). Tempahan jahit wanita. Retrieved October 10, 2023, from <https://www.wawantailor.com/tempahan-jahit-wanita/>
- [14] Saenab, S., Zubaidah, S., Mahanal, S., & Lestari, S. R. (2020). Recode to re-code: an instructional model to accelerate students' critical thinking skills. *Education Sciences*, 11(1), 2. <https://doi.org/10.3390/educsci11010002>
- [15] Abbasi, F., Khajouei, R., Ahmadinejad, M., Razban, F., & Jahani, Y. (2023). Need assessment and development of a mobile-based medication dosage calculation application for icu nurses. *Health and Technology*, 13(1), 111-118. <https://doi.org/10.1007/s12553-022-00720-4>
- [16] Salim, H., Lee, P. Y., Sazlina, S., Cheong, A. T., Wong, J., Young, I., ... & Pinnock, H. (2021). Developing an asthma self-management intervention through a web-based design workshop for people with limited health literacy: user-centered design approach. *Journal of Medical Internet Research*, 23(9), e26434. <https://doi.org/10.2196/26434>
- [17] Thamaratul Izzah Azman, Noraini Che Pa, Rozi Nor Haizan Nor, & Yusmadi Yah Jusoh (2023). Prototype development of risk mitigation for software anti-ageing system. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 31(2), 220-233. <https://doi.org/10.37934/araset.31.2.220233>
- [18] Widyasari, R. (2014). *Impak pelaksanaan otonomi daerah kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam di Kabupaten Kutai Kartanegara* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).

Lampiran B: Rajah Kelas



Lampiran C: Carta Alir Proses

Lampiran D: Keputusan Ujian Penerimaan Pengguna

